

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PENGANJURAN KALI KE-6 KEJOHANAN BOLA JARING PIALA ISTERI DATUK BANDAR**

Bersempena dengan ulang tahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya selaku tuan rumah telah menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Piala Isteri Dato' Bandar pada 23 hingga 24 Jun 2012. Penganjuran kali ke-6 ini disertai sebanyak 27 buah pasukan yang mana 15 pasukan terdiri daripada pasukan lelaki dan penyertaan daripada pasukan wanita pula sebanyak 12 pasukan sahaja.

Penglibatan dalam pelbagai acara sukan merupakan satu landasan yang menyumbang kepada nilai positif seperti semangat pertandingan yang sihat, muhibah, sikap bertolak ansur, toleransi, kesefahaman dan pembinaan moral dan fizikal yang lebih berkualiti. Aktiviti sukan juga mampu memberi manfaaat yang amat besar terhadap individu dan pasukan yang bertanding.

Perkara ini menunjukkan kepada kita semua bahawa muafakat yang padu di kalangan ahli pasukan mampu untuk melahirkan satu bentuk kerjasama yang sangat besar ertinya sehingga dapat melahirkan satu pasukan yang positif dan berdaya saing.

Penganjuran kejohanan seperti ini dilihat mampu untuk mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain dan hubungan antara pasukan. Disamping itu, para pemain juga dapat memperbaiki teknik permainan dan meningkatkan lagi mutu permainan mereka.

Kejohanan Bola Jaring Piala Isteri Datuk Bandar ini juga telah berjaya menarik minat para penaja seperti Nestle dan Molten yang mana mereka sentiasa memberikan sokongan untuk turut membantu di dalam menjayakan kejohanan bola jaring pada tahun ini.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my